

LOGO
SEKOLAH

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2020

Pendidikan Islam

1223/1

Kertas 1

Oktober

2 Jam

Dua Jam

MODUL SET 2

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas modul ini mengandungi **dua** bahagian. **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. ***Bahagian A** mengandungi 40 soalan. Jawapan hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan di halaman 13.*
3. ***Bahagian B** mengandungi **empat** soalan subjektif. Jawab **tiga** soalan : **Soalan 1, Soalan 2 wajib** dan mana-mana **satu** soalan berikutnya.
Jawapan hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.*
4. *Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada kertas jawapan ..*
5. *Ceraikan kertas jawapan **Bahagian A** dan ikat bersama-sama dengan kertas jawapan **Bahagian B**.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

Bahagian A
[40 markah]**Soalan 1 hingga soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Hitamkan jawapan yang tepat dalam lampiran kertas jawapan yang disediakan.

1

- Tidak mengakui balasan di akhirat
- Menyatakan solat fardu merugikan masa

Perbuatan di atas ialah contoh _____.

- A syirik jail
- B syirik khafi
- C kufur nikmat
- D kufur hakikat

2 Melakukan sesuatu perbuatan atau perkataan untuk memenuhi kepentingan diri sendiri dan memudaratkan orang lain?

Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian

- A menipu
- B berbohong
- C memfitnah
- D mengumpat

3 “Orang yang menzahirkan keimanan dan menyembunyikan kekufuran di dalam hati”

Pernyataan di atas merujuk kepada maksud

- A mungkar
- B munafik
- C musyrik
- D mulhid

4 Pernyataan di bawah benar mengenai pegangan Syiah Batiniah **kecuali**

- A percaya imam Muhammad bin al-Hanafiah masih hidup
- B menghalalkan beberapa kemungkaran seperti minum arak
- C beriktikad bahawa Saidina Ali dan imam-imam mereka sebagai tuhan.
- D ketentuan baik dan buruk ditentukan oleh Allah SWT sejak azali lagi

[Lihat halaman sebelah

5

- Tidak menghukum kecuali terdapat bukti yang sahih.


Pernyataan di atas merujuk kepada pegangan _____.

- A Khawarij
B Syiah Zaidiyah
C Syiah Imamiyah
D Ahli Sunnah Wal Jamaah
- 6 Di manakah jemaah haji perlu bermalam pada 11-13 zulhijjah?

- A Mudzdalifah
B Arafah
C Bir Ali
D Mina

- 7 Antara yang berikut yang manakah syarat melontar di jamrah dalam ibadat haji?
- A Menggunakan 5 biji anak batu
B Melontar pada pagi 8 zulhijjah
C Melontar menggunakan tangan
D Melontar dalam keadaan berwuduk

8



P dalam rajah di atas ialah _____.

- A rukun gadaian
B syarat gadaian
C hikmah gadaian
D matlamat gadaian
- 9 Umur unta yang sah untuk dijadikan akikah ialah _____.
- A dua tahun atau lebih
B tiga tahun atau lebih
C lima tahun atau lebih
D empat tahun atau lebih

[Lihat halaman sebelah

10 Manakah antara berikut hikmah walimatul urus?

- I Mengikut ajaran agama dan sunnah Rasulullah SAW.
 - II lahirkan rasa kegembiraan atas ikatan perkahwinan.
 - III mengadakan jamuan secara sederhana.
 - IV tiada unsur maksiat di dalamnya.
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV


11

- Mahar yang ditentukan kadarnya dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

Pernyataan di atas merujuk kepada jenis mahar

- A Misil
- B Sodaq
- C Nihlah
- D Musamma

12



Rajah di bawah menunjuk susunan perpindahan hak hadanah (penjagaan anak) sekiranya ibu hilang kelayakan.

Q dalam rajah di atas ialah _____.

- A saudara perempuan seibu sebapa
- B saudara perempuan seibu
- C nenek sebelah bapa
- D datuk

[Lihat halaman sebelah

13

- Menyusun pentadbiran majlis syura
- Mengisytiharkan kalendar mengikut tahun hijrah

Pernyataan di atas merujuk kepada sumbangan dan jasa khalifah _____.

- A Abu Bakar as-Siddiq
- B Umar bin al-Khattab
- C Uthman bin Affan
- D Ali bin Abi Talib

14

- Nama Abd Rahman bin Muhammad bin Muhammad.
- Pernah menjawab jawatan Perdana Menteri di Bougie.
- Menjadi Ketua Hakim Negara di Mesir

Pernyataan di atas merujuk kepada _____

- A Imam al-Bukhari
- B Ibnu Khaldun
- C Iman Syafie
- D Ibnu Sina

15 Berikut adalah institusi pendidikan yang wujud zaman kerajaan bani Umayyah **kecuali**

- A kolej
- B istana
- C kuttab
- D masjid

16 Siapakah pengasas kepada kerajaan Bani Abbasiyah?

- A Abu Abbas as-Saffah
- B Muawiyyah Abu Sufian
- C Abu Jaafar Al-Mansur
- D Abdul Malik Bin Marwan

17 Individu yang melaksanakan amar makruf nahi mungkar digelar sebagai

- A cendiakawan
- B pendakwah
- C Ulul Amri

[Lihat halaman sebelah


- D ulama
- 18 Pilih pernyataan yang **benar** mengenai sebab perlunya beradab ketika berzikir.
- A Untuk mencapai kesempurnaan dalam ibadah
 B Mendidik jiwa supaya sentiasa mengingati
 C Merasa kehebatan kekuasaan dan keagungan Allah
 D Mendapat ketenangan jiwa kerana menyebut lafaz zikir dengan betul
- 19 Apakah hukum bermusafir untuk menghadiri pameran sains?
- A Wajib
 B Sunat
 C Harus
 D Haram
- 20
- Berdasarkan wahyu
 - Kajian sintifik
 - Akal fikiran

Pernyataan di atas merujuk kepada adab

- A bertaqwa
 B berjihad
 C berzikir
 D berfikir


Soalan 21 hingga Soalan 25

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.




- 21 Rajah di atas merujuk kepada ciri-ciri munafik. R ialah _____.
- 22 Riba terbahagi kepada 2 jenis iaitu riba An-Nasiah dan _____
- 23 Mazhab _____ muncul selepas berlakunya perpecahan dalam kalangan umat Islam.

[Lihat halaman sebelah
SULIT



24 **S** dalam rajah di atas merujuk iktikad golongan _____.

25



T dalam rajah di atas ialah _____.

Soalan 26 hingga Soalan 29

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan dalam jadual di bawah

| wajib | sunat | sunat muakkad | makruh | sah | tidak sah |
|-------|-------|---------------|--------|-----|-----------|
| | | | | | |

- 26 Memberi hutang untuk meringankan bebanan tanggungan golongan miskin.
- 27 Asyraf berkeinginan untuk berkahwin tetapi kurang berkemampuan untuk memberi nafkah zahir kepada isterinya.
- 28 Encik Mahfuz melaksanakan ibadah akikah sebagai tanda kesyukuran mendapat cahayamata.
- 29 Puan Laili menyewakan rumahnya tanpa menetapkan jangka masa sewaan.

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 30 sehingga Soalan 32 berdasarkan jadual di bawah.

Lengkapkan jadual di bawah dengan **istilah** yang betul.

| Kenyataan | Jawapan |
|--|-----------|
| Waktu bermulanya untuk melontar di Jamratul Aqabah | 30. _____ |
| Kuasa menikahkan seorang perempuan bila ketiadaan wali nasab mengikut urutan. | 31. _____ |
| Hikmahnya bertujuan untuk rasa syukur dan menghebahkan kepada orang ramai bahawa pasangan telah menjadi suami isteri yang sah. | 32. _____ |

33 Nama karya agung Ibu Khaldun yang terunggul ialah _____.

34 _____ adalah tempat penyimpanan khazanah karya ilmu dan tempat rujukan para ilmuan pada zaman Abbasiyah.

35 Gelaran _____ telah diberikan kepada Imam al-Bukhari di atas keilmuannya dalam bidang hadis.

36 Pemerintahan kerajaan Islam selepas berakhirnya kekuasaan Kerajaan Khulafa al-Rasyidin dikenali sebagai zaman _____.

Soalan 37 hingga 40

si tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan dalam jadual dibawah.

| | | |
|---------|--------|----------|
| makam | taat | kuat |
| keramat | amanah | perlahan |

37 Semasa menuaikan ibadat haji atau umrah, kita disunatkan menziarahi _____ Nabi Muhammad SAW di Masjid Nabawi.

38 _____ kepada arahan pemimpin dalam perkara kebenaran adalah wajib.

39 _____ bermaksud penjual dan pembeli bersikap jujur dan tidak menipu dalam perniagaan.

[Lihat halaman sebelah]

40 Berzikir dengan suara yang _____ hukumnya makruh.

BAHAGIAN B
(60 markah)
Jawab tiga soalan

Jawab Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan daripada Soalan 3 atau Soalan 4.

1 (a) Riddah (murtad) merupakan perkara yang membatalkan iman.

(i) Nyatakan **dua** contoh riddah melalui perbuatan [2 markah]

(ii) Terangkan **dua** kesan perbuatan riddah terhadap individu. [4 markah]

(b) Islam melarang perbuatan memfitnah, kerana boleh menimbulkan perpecahan umat.

(i) Apakah maksud fitnah? [2 markah]

(ii) Terangkan **dua** cara mengatasi perbuatan fitnah yang berlaku dalam masyarakat. [4 markah]

(c) Mazhab Ahli Sunnah Waljamaah adalah kumpulan yang berpegang teguh dengan al-Quran dan Sunnah.

(i) Nyatakan **dua** nama lain bagi Ahli Sunnah Waljamaah [2 markah]

(ii) Jelaskan perbezaan pendapat Ahli Sunnah Waljamaah dengan Syiah Zaidiah tentang pelaku dosa besar. [2 markah]

(iii) Apakah tindakan yang boleh anda lakukan untuk memelihara akidah daripada terpengaruh dengan ajaran sesat. Huraikan. [4 markah]

2 (a) Akikah dilakukan sebagai tanda kesyukuran kepada Allah SWT di atas kurniaan cahaya mata.

(i) Bilakah waktu yang afodal melaksanakan akikah? [2 markah]

(ii) Jelaskan **empat** perkara sunat akikah [4 markah]

(iii) Terangkan hikmah akikah disyariatkan kepada umat Islam. [2 markah]

(b) Amalan insurans diharuskan dalam Islam untuk membantu pihak yang ditimpah musibah.

(i) Nyatakan **dua** jenis insurans yang di jalankan oleh syarikat insurans di Malaysia. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** unsur yang dilarang dalam insurans Islam. [2 markah]

[Lihat halaman sebelah

(c) Adil adalah antara syarat poligami

(i) Nyatakan maksud adil dalam berpoligami [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** syarat berpoligami yang diharuskan syarak. [2 markah]

(iii)

Poligami yang diamalkan dengan adil dapat memenuhi tuntutan syariat dan mewujudkan sebuah masyarakat yang aman dan bahagia.

Berdasarkan pernyataan diatas, ramalkan apakah yang akan berlaku sekiranya suami tidak mengamalkan perkara tersebut. Bincangkan.

[4 markah]

3 (a) Semua khalifah al-Rasyidin sentiasa mendampingi dan mendapat didikan daripada Rasulullah SAW.

(i) Nyatakan **dua** ciri kepimpinan Khulafa al-Rasyidin. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** kesan positif daripada kepimpinan Khulafa al-Rasyidin. [4 markah]

(b) Syeikh Muhammad Abduh adalah tokoh islah (pembaharuan) yang agung.

(i) Nyatakan **dua** sifat peribadi beliau. [2 markah]

(ii) Jelaskan sumbangan Syeikh Muhammad Abduh dalam bidang pendidikan. [2 markah]

(c) Rasulullah SAW adalah manusia pilihan dan paling mulia disisi Allah SWT.

(i) Senaraikan **dua** adab terhadap Rasulullah SAW [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** perbuatan yang dianggap tidak beradab terhadap Rasulullah SAW. [2 markah]

(iii) Terangkan sebab perlu beradab dengan Rasulullah SAW. [2 markah]

(iv) Pada suatu hari anda terdengar sekumpulan pelajar mempersendakan sunnah Rasulullah SAW.

Merujuk perkara di atas, Mengapakah situasi tersebut boleh berlaku.

Bincangkan. [4 markah]

- 4 (a) Islam berkembang secara meluas pada zaman kerajaan bani Abbasiah.
- (i) Nyatakan **dua** faktor dalaman yang mendorong penyebaran tersebut. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kesan penyebaran Islam pada zaman tersebut dari aspek akidah. [4 markah]
- (b) Imam al-Bukhari rahimahullah ialah seorang tokoh yang pakar dalam bidang hadis .
- (i) Nyatakan **dua** riwayat hidup beliau. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** contoh ketelitian beliau dalam usaha pengumpulan hadis . [2 markah]
- (c) Allah SWT memerintahkan kita mentaatiNya,RasulNya dan ulil amri (pemimpin)
- (i) Apakah maksud ulil amri (pemimpin)? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** ciri ulil Amri . [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** tanggungjawab rakyat terhadap pemimpin. [2 markah]
- (iv) Anda sebagai rakyat yang bertanggungjawab,
Cadangkan cara terbaik untuk menegur pemimpin sekiranya ia melakukan kesilapan. Huraikan. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

NAMA: _____

KELAS: _____

NO. KAD PENGENALAN

| | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
| | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|

ANGKA GILIRAN

| | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
| | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|

| | | | | | | |
|----|-------------------------|-------------------------|-------------------------|-------------------------|----|-------|
| 1 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 21 | |
| 2 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 22 | |
| 3 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 23 | |
| 4 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 24 | |
| 5 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 25 | |
| 6 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 26 | |
| 7 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 27 | |
| 8 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 28 | |
| 9 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 29 | |
| 10 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 30 | |
| 11 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 31 | |
| 12 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 32 | |
| 13 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 33 | |
| 14 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 34 | |
| 15 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 35 | |
| 16 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 36 | |
| 17 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 37 | |
| 18 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 38 | |
| 19 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 39 | |
| 20 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 40 | |

| Bahagian | Soalan | Markah Penuh | Markah Diperolehi |
|----------|-------------|--------------|-------------------|
| A | 1 Hingga 40 | 40 | |
| B | 1 | 20 | |
| | 2 | 20 | |
| | 3 | 20 | |
| | 4 | 20 | |
| | Jumlah | 100 | |

[Lihat halaman sebelah]